



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



2023

JII CaS

**JOHOR
INNOVATION
INVENTION
COMPETITION
AND
SYMPOSIUM
2023**



"Innovation Inspires a Society
to be Critical and Creative"

JOHOR INNOVATION INVENTION COMPETITION AND SYMPOSIUM 2023



JOHOR INNOVATION INVENTION COMPETITION AND SYMPOSIUM 2023

"Innovation Inspires a Society to be
Critical and Creative"

Editors-in-Chief

**AHMAD KHUDZAIRI KHALID
NUR INTAN SYAFINAZ AHMAD**



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**Cawangan Johor
Kampus Pasir Gudang**

2023



First Edition 2023

Copyright © 2023 Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang.

All extended abstracts published in this e-book have not been subject to JIICaS2023 peer review or check. The authors are responsible for the contents of their extended abstracts and warrant that their extended abstract is original, has not been previously published, and has not been simultaneously submitted elsewhere. The views expressed in the abstracts in this publication are those of the individual authors and are not necessarily shared by the editor.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced in any form or by electronic or mechanical means, including information storage and retrieval systems, or transmitted in any form or by any means, without the prior permission in writing from the Course Coordinator of College of Computing, Informatics and Mathematics, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang.

e ISBN: 978-967-0033-17-4

Editors-in-Chief: AHMAD KHUDZAIRI KHALID & NUR INTAN SYAFINAZ AHMAD

Art & Cover Designer: DR. WAN MUNIRAH WAN MOHAMAD & DR. NUR IDAYU ALIMON

**Published in Malaysia by
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor
Kampus Pasir Gudang
81750 Masai**





Preface

In the name of Allah, the Almighty who gives us the enlightenment, the truth, the knowledge and with regards to Prophet Muhammad (peace be upon him) for guiding us to the straight path. We thank to Allah for giving us guidance and strength to write this e-book.

This e-book compiles the extended abstracts that submitted to Johor Innovation Invention Competition and Symposium 2023 (JIICaS2023), where JIICaS2023 is a virtual platform for all creative minds to share and present their invention and innovation. The extended abstracts are divided into two categories, which are Category A (Higher Educational Student/ Any Recognized Institutional Students in Malaysia) and Category B (Primary/ Secondary School Students / Special Education School Students in Johor). Each abstract gives a brief background on the innovation or project.

We hope that this e-book will help the readers to get to know the innovation done by the students from both categories and get some ideas to develop future innovation products.



MODEL PEMBANGUNAN INKLUSIF ASNAF MELALUI ZAKAT KEUSAHAWANAN DI TAMAN NEGARA LEDANG

Norazlina Mamat¹, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif², Mohd Afandi Mat Rani¹, Faezy Adenan¹, Muhammad Syahrul Deen Ahmad Rosli¹, Shofiyah Moidin¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor

²Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor

Penulis koresponden: izzatamsyar@ukm.edu.my (Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif)

ABSTRAK

Zakat memainkan peranan penting dalam menolong orang miskin untuk memenuhi keperluan hidup dan meningkatkan taraf pendapatan asnaf ke arah yang lebih baik. Bagi asnaf fakir dan miskin progresif yang sihat dan mampu berdikari, suatu program khusus boleh di rangka dan direncanakan. Oleh itu, untuk mengeluarkan golongan ini daripada garis kemiskinan, aktiviti keusahawanan boleh dijadikan suatu pendekatan berimpak disamping memacu prestasi ekonomi sesebuah negara. Lazimnya hanya satu model pembangunan keusahawanan zakat digunapakai oleh setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi semua latar belakang dan demografi asnaf. Sedangkan wujudnya jurang yang luas antara kawasan bandar dan luar bandar. Berbeza dengan di bandar, masyarakat luar bandar menghadapi cabaran ekonomi yang kurang dinamik, fasiliti terhad, penggunaan sumber dan daya tidak optimum dan sebagainya. Justeru, berasaskan kepada kelestarian prinsip filantropi Islam dalam memastikan kehidupan asnaf terjaga dan terbela, objektif kajian ini adalah untuk membangunkan suatu model keusahawanan asnaf yang inklusif dan khusus untuk dilaksanakan di kawasan luar bandar. Kajian berbentuk kualitatif ini dilaksanakan dengan menggunakan metode pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan, dan temu bual responden. Data yang diperolehi dianalisis berasaskan metode induktif dan deduktif. Model yang dibangunkan ini berpotensi menjadi satu perintis dan panduan kepada seluruh agensi zakat di seluruh Malaysia.

Kata Kunci: Model, Pembangunan Asnaf, Keusahawanan, Taman Negara Ledang

1.0 PENGENALAN

Aktiviti keusahawanan adalah salah satu tiang utama yang mendorong pembangunan ekonomi komuniti tempatan. Institusi zakat menyediakan dana keusahawanan kepada asnaf melalui pengagihan bantuan zakat produktif, membolehkan usahawan asnaf menjalankan perniagaan mereka secara bebas dan memutuskan kitar kemiskinan, sama ada di kawasan bandar atau luar bandar. Walau bagaimanapun, menurut Rancangan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2019, komuniti luar bandar menghadapi pelbagai cabaran, termasuk ekonomi luar bandar yang kurang dinamik, penggunaan sumber yang tidak cekap, dan kadar kemiskinan yang tinggi.


Usahawan asnaf juga termasuk dalam golongan yang berusaha untuk mengekalkan kestabilan ekonomi bagi diri mereka dan keluarga mereka dengan maksimumkan bantuan yang diberikan melalui zakat produktif. Selain itu, aktiviti keusahawanan dapat mencipta peluang pekerjaan dalam komuniti tempatan, serta pengagihan kekayaan yang adil dan saksama, selain daripada membangunkan ekosistem ekonomi yang lestari dan mampan

berdasarkan pembangunan aliran kewangan dalam masyarakat. Akibatnya, keusahawanan berkualiti sepatutnya membantu dalam mengubah masyarakat ke arah ekonomi dan masyarakat yang lebih baik dan lebih kompetitif. Ini turut memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi global, termasuk di Malaysia, sebuah negara membangun.

2.0 OBJEKTIF

Walaupun terdapat banyak kajian mengenai keberkesanan zakat keusahawanan kepada usahawan asnaf, ia masih belum dapat mencapai matlamat bantuan zakat yang produktif sepenuhnya yang memutuskan kitar kemiskinan disebabkan oleh hadangan dan cabaran dalam mencapai dan mengekalkan matlamat pembangunan usahawan asnaf, terutamanya di kawasan luar bandar. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis program pembangunan keusahawanan zakat asnaf yang telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dan mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan program keusahawanan asnaf melalui temu bual dengan wakil-wakil MAIJ dan usahawan asnaf yang terlibat secara langsung dengan program yang dilaksanakan.

3.0 MODEL PEMBANGUNAN INKLUSIF ASNAF MELALUI ZAKAT KEUSAHAWANAN DI TAMAN NEGARA LEDANG



Model di atas adalah sebagai satu bentuk pendekatan yang bersifat inklusif kepada pembangunan asnaf melalui zakat keusahawanan khususnya di Taman Negara Ledang dengan melibatkan tiga (3) fasa utama iaitu sebelum, semasa dan selepas. Pembangunan usahawan asnaf luar bandar perlu melibatkan tiga (3) fasa berikut bagi memastikan asnaf yang dibantu melalui zakat keusahawanan mampu dilestarikan untuk jangka masa panjang. Justeru, dalam membangun usahawan asnaf luar bandar yang inklusif, empat (4) aspek yang perlu diteliti iaitu demografi asnaf, individu asnaf, pengetahuan dan kemahiran dan sokongan. Keempat-empat aspek yang dinyatakan dikelaskan pula kepada tiga (3) fasa utama.

Bagi fasa pertama iaitu sebelum, aspek demografi dan individu asnaf perlu dinilai sebagai aspek yang penting untuk penentuan agihan zakat keusahawanan kepada yang betul-betul berkeupayaan sebagai usahawan. Elemen umur, latar pendidikan, pengalaman dan kerjaya adalah perkara yang menjadi pengukuran dalam aspek demografi untuk menilai tahap kemampuan asnaf dalam dunia keusahawanan. Selain itu, bagi menilai tahap kebersediaan asnaf untuk menjadi usahawan luar bandar, elemen sikap, minat, motivasi, efikasi sendiri dan keyakinan pula adalah penting untuk dinilai oleh pihak MAIJ sebelum diberikan zakat keusahawanan. Fasa sebelum adalah fasa yang memerlukan pihak MAIJ meneliti dengan sebaiknya agar zakat yang diberikan tidak berlaku kerugian dan dapat digunakan secara optimum oleh asnaf yang betul-betul layak.

Seterusnya, pada fasa kedua iaitu fasa semasa adalah fasa di mana perlunya kerjasama dan keseimbangan di antara pihak MAIN dan asnaf untuk memperkukuh kemandirian usahawan asnaf luar bandar dari sudut pengetahuan dan kemahiran keusahawanan. Maka, pada fasa ini pemindahan ilmu dan kemahiran adalah satu keperluan untuk diberikan melibatkan ilmu berkaitan pembuatan, pemprosesan atau aktiviti yang bersesuaian dengan kemahiran usahawan yang dimiliki oleh asnaf yang mampu dan boleh diketengahkan. Selain itu ilmu berkaitan kewangan dan perakaunan juga adalah elemen yang sangat perlu diberikan penekanan agar aktiviti keusahawanan yang dijalankan dapat menjana keuntungan serta aliran tunai yang sistematik dan tersusun. Ilmu pemasaran juga perlu diterapkan kepada asnaf agar produk usahawan yang direka mampu untuk dikomersialkan sama ada di peringkat dalam negara mahupun luar negara sekiranya dapat dipasarkan secara maksimum. Akhirnya adalah berkaitan ilmu risiko dan persaingan keusahawanan yang turut menjadi cabaran kepada usahawan asnaf untuk sentiasa diberikan perhatian agar dapat dimitigasi dengan baik.

Tambahan daripada itu adalah melibatkan fasa terakhir dalam membangunkan usahawan asnaf luar bandar secara inklusif adalah fasa selepas. Maka aspek sokongan adalah satu *support system* yang sangat perlu kepada pembangunan usahawan asnaf luar bandar untuk kelestarian dan kemampuan asnaf itu sendiri sekaligus kepada pihak MAIJ. Elemen modal, teknikal dan peralatan, latihan dan bimbingan serta mentor adalah pelengkap kepada aspek sokongan pada fasa akhir ini dengan melibatkan banyak entiti luar untuk berkongsi kepakaran. Pembangunan usahawan asnaf inklusif adalah dinilai pada fasa selepas kerana ia melibatkan fasa kematangan keusahawanan kepada asnaf untuk mampu berdikari secara stabil dalam aktiviti perniagaan yang mampu menjadikan asnaf keluar dari kepompong kemiskinan. Oleh itu, secara rumusannya, aspek demografi, individu, pengetahuan dan kemahiran serta sokongan adalah penilaian utama kepada MAIJ untuk dilihat kepada asnaf dalam usaha membangunkan usahawan asnaf inklusif melalui zakat keusahawanan.

4.0 KEBAIKAN/IMPAK/DAPATAN/PEMBAHARUAN

Kajian ini sangat signifikan kepada:

1. Golongan Usahawan Asnaf Luar Bandar

Sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) adalah penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi pendapatan negara. Golongan usahawan asnaf merupakan salah satu daripada yang menjalankan kegiatan IKS. Namun, perkembangan usahawan terbantut apabila kesukaran mendapatkan bantuan khususnya di luar bandar. Oleh itu, kajian ini penting untuk dijalankan bagi memberi peluang kepada asnaf yang turut berada di luar bandar. Justeru, menjadi institusi zakat juga terlibat secara langsung dalam membantu mentransformasikan penerima asnaf kepada golongan pembayar zakat.

2. Majlis Agama Islam Negeri

Kajian ini akan dapat membantu Majlis Agama Islam Negeri dalam mengatur strategi untuk pembangunan usahawan asnaf dan merupakan projek jangka masa panjang. Selain itu, pihak

zakat juga dapat menyampaikan maklumat berkaitan perniagaan dengan meluas dengan golongan asnaf luar bandar. Bukan itu sahaja, pusat zakat juga dapat memastikan pengurusan pentadbiran sentiasa membantu dan bersedia untuk membantu menambah pendapatan asnaf menerusi bidang perniagaan.

3. Negara

Kajian ini mendokong usaha kerajaan dalam merealisasikan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 seiring dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) bertujuan untuk melahirkan masyarakat luar bandar yang sejahtera dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk sosial ekonomi, budaya dan persekitaran tanpa mengira latar belakang bangsa, agama, status sosial, gender dan umur.

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pembangunan usahawan asnaf perlu dirancang secara menyeluruh untuk memastikan keberkesannya dalam jangka masa panjang. Kajian ini mendapati bahawa program pembangunan asnaf yang dilaksanakan kini adalah hanya berorientasikan jangka pendek dan tidak mengendahkan asnaf luar bandar secara khusus. Sementara itu, keperluan usahawan asnaf luar bandar adalah berbeza sepenuhnya dari segi demografi, individu, sokongan, pengetahuan, dan kemahiran. Selain itu, institusi zakat umumnya dianggotai oleh individu dengan latar belakang agama yang mempunyai kebolehan terhadap aspek pengurusan dan perniagaan yang terhad. Oleh itu, institusi zakat perlu mendapatkan nasihat daripada pihak yang mempunyai kepakaran langsung dalam pembangunan keusahawanan.